

| | | | | |
|-----------------|---|------------------|------------|------|
| SURAT KHABAR | : | SINAR HARIAN | | |
| TARIKH | : | 1/12/2018 | MUKA SURAT | : 13 |
| JABATAN | : | IWK | | |
| 0140KLASIFIKASI | : | PERHATIAN | | |

Bukan sekadar pembetulan

Kesedaran masyarakat mengenai usaha menjaga kelestarian dan kemampanan alam sekitar melalui satu sistem penyelenggaraan pembetulan lebih baik sewajarnya dipertingkatkan.

Namun usaha itu bukan mudah kerana masyarakat masih menganggap IWK sebagai sebuah agensi 'pembetulan'.

Bekas Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), Datuk Teo Yen Hua berkata, langka itu penting bagi memastikan generasi akan datang masih dapat menikmati pembangunan mampan.

"Nak sedarkan masyarakat denganerti pemahaman mendalam mengenai penjagaan alam sekitar, susah. Rakyat tak nampak. Kita ada 1.3 juta sistem individual septic tank yang perlu kita uruskan kerana tak mesra alam. Jangan hanya anggap isu ini (IWK) sebagai utiliti yang jaga pembetulan sahaja, sedangkan yang lebih penting kesedaran menjaga alam sekitar. Memang kalau kita lihat, peluang untuk menjadikan air yang telah dirawat IWK untuk tujuan bukan minuman. Untuk kilang boleh.

Kalau saya tak silap, IWK sedang berusaha buat projek perintis, yang penting sekali kita perlu kenal pasti lokasi berhampiran kilang-

kilang.

Kalau kita terpaksa salurkan air itu jauh, kos tinggi dan satu lagi paip digunakan dengan yang berasingan. Jangan campur aduk dengan paip yang kita guna untuk minuman, itu akan datangkan banyak bantahan.

Semua ini bergantung kepada kos dan harga. Kalau kita tahu sudah lebih 20 tahun IWK ini, kadar (dikenakan kepada pengguna) masih sama.

Kalau kos tinggi pulangan sikit, susah dijalankan projek mampan. Kena lihat ke mana perginya kos, kena adil kepada golongan berpendapatan rendah, kena jaga mereka dan dalam masa sama mampu menyediakan pembangunan lestari atau mampan. Macam sekarang IWK nak 'cover' kos operasi pun tak cukup.

Kalau lihat Akta Industri Perkhidmatan Air (IPA), wujud peruntukan undang-undang untuk bolehkan integrasi bil di mana ini akan menyenangkan pengguna.

Kalau kita lihat dari segi kemampanan ataupun keselamatan air, negara kita banyak hujan, dari segi sumber sewajarnya tak jadi masalah.

Perkhidmatan air ini di bawah kerajaan negeri tapi oleh kerana kekangan tertentu seperti sumber kewangan, maka sesetengah

kerajaan negeri tak dapat bagi perkhidmatan mencukupi kepada rakyat.

Kerajaan Persekutuan masih teruskan dasar di mana mereka ambil alih habiliti hutang-hutang kerajaan negeri atau Persekutuan lepas atau komersial atau syarat-syarat bekal air melalui Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB).

PAAB akan terus benarkan syarat air negeri memberikan perkhidmatan. Kemudian aset dimiliki Kerajaan Persekutuan, perkhidmatan seharisan diserahkan oleh kerajaan negeri melalui anak syarikat iaitu syarikat air.

Dari segi prestasi selepas laksanakan sendiri, negeri-negeri yang telah ambil alih kemudahan ini menunjukkan prestasi lebih baik. Kalau kita lihat 10 tahun lalu, sejak akta IPA dikuatkuasakan, memang sesetengah negeri menunjukkan prestasi (mengurangkan hasil air terawak). Melaka masa tu 30 peratus, sekarang 18 peratus. Johor begitu juga sekarang 21 ke 22 peratus.

Pulau Pinang sejak dulu bagus, yang tinggi seperti Selangor iaitu 31 hingga 32 peratus, ada peningkatan sebahagian pengurangan kadar berbanding 10 tahun lalu tapi bagi saya masih tinggi kerana jumlah air yang dihasilkan banyak," katanya.



Rakyat tak nampak.
Kita ada 1.3 juta sistem individual septic tank yang perlu kita uruskan kerana tak mesra alam. - Yen Hua